

Pemimpin berkualiti perlu bersifat perancang - PM

U.M. 25 AUG 1993

Oleh ROZAMAN ISMAIL

(P)

KUALA LUMPUR 24 Ogos — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pemimpin berkualiti perlu bersifat sebagai perancang jangka panjang, berpandangan jauh serta kaya dengan idea bagi membangunkan masyarakat dan negara.

Beliau berkata, mereka yang ingin menjadi pemimpin berkualiti tidak memandang keuntungan segera sebaliknya pemimpin yang mencari keuntungan segera akan mudah menjadi korup.

"Sebagai contoh, jika seseorang itu ingin menang dalam pilihanraya sahaja dan satu cara bagi menjadi popular ialah dengan menabur banyak wang atau menggunakan cara seumpamanya, mereka mungkin boleh popular.

"Tetapi sekiranya dia mula memberikan wang sebagai rasuah, si pene-

rima akan meminta lebih banyak lagi manakala sokongan yang diperolehi semakin berkurangan," katanya pada majlis dialog dengan kakitangan dan pelajar Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab salah satu soalan kakitangan UIA yang bertanya ciri-ciri seorang pemimpin yang berkualiti.

Kira-kira 2,000 pelajar UIA hadir pada majlis dialog selama sejam itu.

Sebelum itu Perdana Menteri telah menutup majlis perayaan ulang-tahun ke-10 universiti tersebut.

Dr. Mahathir berkata, pemimpin berfikiran jangka pendek tidak boleh bawa kejayaan kepada negara pada masa depan.

Perdana Menteri berkata, seseorang yang memikirkan keuntungan yang cepat bolehlah disamakan dengan mencuri.

"Ya macamlah si pencuri...yang mahukan keuntungan sekelip mata," katanya.

Beliau menambah, masyarakat yang kurang atau tidak ada pencuri sama sekali adalah masyarakat yang lebih baik daripada masyarakat yang penuh dengan pencuri.

Tetapi sekiranya seseorang itu memikirkan dia akan ditangkap pada satu masa nanti, dia tidak akan mencuri.

Beliau menambah, ciri lain yang perlu ada di kalangan pemimpin berkualiti ialah mempunyai perancangan jangka panjang serta kaya dengan idea.

"Seseorang itu tidak boleh menjadi pemimpin sekiranya tidak mempunyai sebarang idea atau hanya mempunyai idea yang sama, terhad atau serupa dengan idea orang lain," jelas beliau.